

# RUMAH MURAH DIMUDAHKAN



**PEMANGKU Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam** serius mencairkan butir-butir pinjaman perumahan kos rendah dan sederhana selepas memperincikan mesyuarat dengan Persatuan Bank-bank dan Agensi-agensi yang terlibat di Bilik Gerakan Bangunan Komputer, Jabatan Perdana Menteri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## 25,000 diberi pinjaman skim khas tahun ini

Oleh **JAMALUDIN ABU BAKAR**

**KUALA LUMPUR, Jumat** — Kira-kira 25,000 orang akan dapat menikmati pinjaman perumahan kos rendah dan sederhana secara 'mudah' tahun ini di bawah skim khas pinjaman perumahan.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, di bawah skim ini pemohon akan mendapat sama ada pinjaman mereka berjaya dalam masa 14 hari.

Skim khas pinjaman perumahan ini diberi peruntukan \$1,000 juta tahun ini dan pinjaman 100 peratus diberi kepada rumah berharga \$50,000 ke bawah manakala \$50,000 hingga \$100,000 diberi pinjaman 90 peratus. Tempoh bayaran balik selama 20 tahun dengan

kadar 10 peratus.

Datuk Musa menambah, mereka yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pinjaman boleh mendapatkan bantuan dari Biro Pusat Bank Negara untuk menyatirkan aduan masing-masing.

### Boorong

"Ini semata-mata bagi memastikan setiap rakyat memiliki rumah sendiri dan kerajaan serius melaksanakan dasar-dasar ini," tegas beliau.

Di samping itu, beliau juga mengumumkan dua langkah penting untuk memajukan usaha yang dijalankan berhasil dan memuaskan demi

menyelesaikan masalah perumahan dalam jangka masa panjang.

Langkah-langkah tersebut ialah menjilakan satu kajian mendalam bagi objektif jangka panjang untuk mengubal satu strategi menyeluruh dan diselaraskan bagi pembiayaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana.

Di samping itu, melaksanakan tindakan segera bagi mengatasi masalah-masalah pinjaman perumahan yang meragukannya juga usaha positif.

● Mengubal satu borang yang digunakan bagi permohonan mendapatkan rumah kos rendah dan kos sederhana.

● Mengadakan borang yang standard bagi permohonan pinjaman untuk membeli rumah-rumah tersebut.

● Memastikan perjanjian jual-beli rumah yang standard bagi meliputi rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana dan memastikan bayaran guman standard dan sama rata.

Datuk Musa mengumumkan demikian selepas memperincikan satu mesyuarat dengan pihak Pemaju Perumahan, Perbadanan Perumahan Ekonomi Negeri, Persatuan Bank Malaysia dan Unit Pelaksanaan dan Penyelenggaraan (IGU), Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah para pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Pelaksanaan dan Penyelenggaraan (IGU), Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Musa menegaskan, langkah-langkah tersebut diambil bagi memudahkan rakyat yang belum memiliki rumah mendapatkan rumah secara mudah sama ada dari segi pinjaman dan bank-bank mahupun mendapatkan borang permohonan perumahan.

Menurutnya, borang

permohonan yang standard bagi mendapatkan rumah murah akan digubal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan langkah-langkah akan diambil bagi memastikan ia mudah didapati oleh orang ramai.

Borang-borang itu, tambahnya, mungkin juga akan diedarkan di tempat-tempat seperti Pejabat Pos dan Pejabat Daerah ataupun tempat-tempat awam yang lain.

Beliau menyatakan, dengan adanya borang standard ini, orang ramai boleh memohon sebarang projek perumahan yang mereka fikirkan baik tanpa bimbang kerana prosedur yang berlaku sekarang.

### Beresak2

Langkah ini juga boleh mengatasi masalah orang ramai yang terpaksa membayar wang kopi kepada orang-orang tengah bagi mendapatkan borang.

Pemangku Perdana Menteri berpendapat, amalan sekarang, di mana setiap peminat perumahan mengadakan borang-borang permohonan sendiri didapati menyudahkan orang ramai kerana selalu berlaku beresak-sesak mendapatkannya dan kadangkala menimbulkan huru-hara.

Mengenal borang pinjaman perumahan kos rendah dan sederhana yang kurang \$100,000, Datuk Musa berkata, bank-bank perdagangan talahpun mengulurkan borang berkenaan sejak Isnin lalu.

Katanya, borang-borang tersebut telah pun diedarkan di semua cawangan bank dan pihak pengurusan bank juga telah memberi jaminan akan memperolehi borang-borang tersebut dalam masa 14 hari.

"Ini bermakna para pemohon akan mengetahui keputusan permohonan mereka dalam tempoh dua minggu sama ada mereka berjaya ataupun tidak," katanya.